

**PROJEK *HOME SWEET HOME* MENINGKATKAN PENGLIBATAN
KANAK-KANAK DALAM PEMBELAJARAN DI KELAS TABIKA
KEMAS GABUNGAN FELDA PALONG 7&8 (B)**

***HOME SWEET HOME PROJECT INCREASES CHILDREN'S
ENGAGEMENT IN LEARNING IN COMBINED KINDERGARTEN
CLASSES FELDA PALONG 7&8 (B)***

**Nor Maizatul Akmal Mohd Zubir
Hidayah Binti Tokiman**
Fakulti Pendidikan
Universiti Islam Melaka (UNIMEL)

Corresponding Author's Email : normaizatulakmal@unimel.edu.my

Article History:

Received : 16 October 2024
Revised : 30 November 2024
Published : 31 November 2024

© Penerbit Universiti Islam Melaka

To cite this article:

Mohd Zubir, N. & Hidayah, T. (2024). PROJEK *HOME SWEET HOME* MENINGKATKAN PENGLIBATAN KANAK-KANAK DALAM PEMBELAJARAN DI KELAS TABIKA KEMAS GABUNGAN FELDA PALONG 7 & 8, Jurnal Ilmi 14(1), 134-49.

ABSTRAK

Projek "Home Sweet Home" bertujuan untuk meningkatkan pelibatan kanak-kanak dalam proses pembelajaran di kelas tabika melalui pendekatan yang lebih inklusif dan berfokus kepada pengalaman positif di rumah. Kajian ini menilai keberkesanan intervensi yang melibatkan kerjasama antara ibu bapa, guru, dan kanak-kanak dalam mencipta persekitaran pembelajaran yang menyenangkan dan interaktif. Fokus kajian adalah untuk mengenal pasti masalah 5 orang responden yang tidak melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran di kelas TABIKA dengan mengadakan Projek Home Sweet Home bersama ibu bapa. Data kajian ini dilaksanakan setelah temubual ringkas bersama ibu bapa responden dan pelaksanaan intervensi dan pemerhatian serta senarai semak. Melalui aktiviti-aktiviti yang direka khas untuk dijalankan di rumah bersama keluarga, projek ini menekankan pentingnya sokongan dan penglibatan ibu bapa dalam memperkaya pengalaman pembelajaran kanak-kanak. Hasil kajian menunjukkan peningkatan yang signifikan dalam minat, motivasi, dan keupayaan kanak-kanak untuk belajar, di samping memperkuat hubungan antara rumah dan sekolah. Projek ini memberikan sumbangan yang berharga kepada bidang pendidikan awal kanak-kanak, terutamanya dalam mengembangkan strategi untuk melibatkan kanak-kanak secara lebih efektif dalam pembelajaran.

Kata kunci : Home Sweet Home, peningkatan pelibatan kanak-kanak, pelibatan ibu bapa, aktiviti pembelajaran kanak-kanak

ABSTRACT

The "Home Sweet Home" project aims to increase children's involvement in the learning process in nursery classes through a more inclusive approach and focus on positive experiences at home. This study evaluates the effectiveness of interventions involving collaboration between parents, teachers, and children in creating a pleasant and interactive learning environment. The focus of the study is to identify the problem of 5 respondents who do not engage in learning activities in the NURSERY class by holding the Home Sweet Home Project with their parents. The data of this study was carried out after a brief interview with the respondent's parents and the implementation of interventions and observations as well as checklists. Through activities specially designed to be carried out at home with the family, this project emphasizes the importance of parental support and involvement in enriching children's learning experiences. The results of the study show a significant increase in children's interest, motivation, and ability to learn, in addition to strengthening the relationship between home and school. This project makes a valuable contribution to the field of early childhood education, especially in developing strategies to engage children more effectively in learning.

Keywords: Home Sweet Home, increasing children's involvement, parents' involvement, children's learning

1.0 PENGENALAN

1.1 Refleksi Pembelajaran dan pengajaran lalu

Kajian tindakan ini bertujuan untuk memperbaiki amalan pengajaran di Tabika KEMAS Gabungan Felda Palong 7&8 (B) dengan menerapkan konsep "Home Sweet Home" untuk meningkatkan penglibatan aktif kanak-kanak dalam pembelajaran. Melalui pelbagai aktiviti yang berpusatkan kanak-kanak, projek ini akan mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih kondusif dan menyeronokkan. Menurut kajian (Qurbonovna,2021) dalam Janius, N., Mohd Ishar, M. I., Yusof, Y., Bang, P., Sid, R., & Wong, G. (2023) menyatakan bahawa pelibatan murid dalam pelbagai aktiviti kemahiran kreativiti, kanak-kanak dapat mempelajari nilai kesabaran dalam menyelesaikan masalah dan menghasilkan sesuatu karya seni.

Potensi kerja projek yang baik menyediakan pelbagai jenis pengalaman yang membentuk penyertaan dalam proses demokrasi: kerjasama, mendengar dan bertindak balas terhadap idea satu sama lain, menyelaraskan usaha dan pelbagai sumbangan ahli keseluruhan dan kumpulan lain, merundingkan perselisihan faham, mencapai persetujuan tentang cara menyelesaikan masalah dan menyelesaikan tugas(Roth, 2020).

Semasa menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran di TABIKA, di dapati ada 5 daripada 25 orang kanak-kanak tidak mengambil bahagian dalam aktiviti pembelajaran yang melibatkan hasil kerja bersama ibu bapa.

Pemerhatian telah dilaksanakan terhadap 5 orang kanak-kanak tersebut sebelum, semasa dan selepas mereka melakukan aktiviti menghasilkan buku skrap diri saya yang bertemakan pembelajaran “Diri Saya”. Hal ini menyebabkan pembelajaran tidak dapat dijalankan dengan lancar dan emosi mereka telah terganggu kerana tidak membawa buku skrap Diri Saya seperti rakan-rakan yang lain.

Dari pemerhatian juga, didapati mereka menjadi kemurungan dan tidak mahu terlibat dengan aktiviti yang dijalankan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Hal ini merupakan satu masalah yang sangat membimbangkan kerana jika mereka ini tidak dibantu, mereka akan menjadi kurang berminat untuk belajar dan dibimbangi akan mempengaruhi rakan-rakan yang lain. Oleh sebab itu, pemerhatian dan senarai semak kepada mereka yang tidak menyiapkan tugasan bersama ibu bapa dengan memberikan tugasan baru Projek *Home Sweet Home*.

1.2 Tinjauan Masalah

Hasil tinjauan awal yang telah dijalankan mendapati 5 orang kanak-kanak tidak melibatkan diri dalam aktiviti dalam kelas TABIKA, oleh itu satu Projek telah diberikan pada kanak-kanak bersama ibu bapa bagi melibatkan diri dalam pembelajaran dengan Projek *Home Sweet Home*. Selain itu aktiviti ini bagi mengenal pasti tahap pengetahuan kanak-kanak dan keberkesanan kaedah pengajaran dan pembelajaran di kelas. Selain itu juga dapat mencungkil bakat-bakat terpendam ibu bapa dalam menghasilkan bahan bantu mengajar di kelas TABIKA. Hal ini secara tidak langsung dapat menarik ibu bapa memahami konsep kelas TABIKA, fungsi dan peranan komuniti. Kajian oleh Nurhusna (2017), menunjukkan bahawa pelibatan yang diterima daripada ibu bapa merupakan salah satu cara untuk merapatkan hubungan antara anak dengan ibu bapa secara fizikal dan psikologi. Hal ini secara tidak langsung ia akan memberi kesan kepada perkembangan anak-anak seperti peningkatan dalam akademik, bersifat lebih yakin dan berani dalam melibatkan diri di TABIKA. Mengikut Leeper, et al. (1974), kedua-dua pihak, iaitu pihak prasekolah dan pihak keluarga mempunyai fungsi yang penting di dalam pendidikan kanak-kanak.

1.3 Analisis Tinjauan

Hasil dari temu bual ini telah dijalankan selepas memperoleh maklumat melalui pemerhatian awal terhadap pengajaran dan pembelajaran lepas. Temu bual ini dilaksanakan untuk mendapat maklum balas yang lebih kukuh tentang pelibatan ibu bapa dalam peningkatan pembelajaran kanak-kanak di kelas tabika. Oleh itu, temu bual ringkas dijalankan dan mempunyai 3 item soalan kepada ibu bapa untuk mendapatkan maklum balas terhadap 5 orang kanak-kanak yang melibatkan

dalam kajian ini. Menurut hasil kajian Milkie (2004) menyatakan bahawa ibu bapa banyak meluangkan masa di rumah bersama kanak-kanak supaya mereka dapat mengatur pembelajaran kanak-kanak. Kanammah, Melissa & Shahizan (2013) dalam kajiannya mendapati pembelajaran kanak-kanak di sekolah dipengaruhi oleh peranan ibu bapa seperti membantu memeriksa kerja rumah serta memberi semangat serta kata nasihat.

Jadual 1 : Soalan temu bual 1

Soalan	Jawapan ibu bapa responden
SK 1. Apakah pandangan anda terhadap TABIKA ini?	<p><i>Responden 1: Terima kasih di atas soalan yang diberikan. Pada pandangan saya, anak saya suka hadir ke TABIKA.</i></p> <p><i>Responden 2 : Terima kasih di atas soalan yang diberikan. Pada pandangan saya, TABIKA tempat yang seronok untuk anak saya kerana banyak perubahan yang positif seperti pandai menguruskan emosi, bersosial dan minat untuk belajar sesuatu yang baru.</i></p> <p><i>Responden 3 : Terima kasih di atas soalan yang diberikan. Saya rasa senang hati hantar anak ke TABIKA.</i></p> <p><i>Responden 4 : Tempat yang seronok kerana anak saya pandai berkawan dan belajar untuk berenggang dengan saya.</i></p> <p><i>Responden 5 : Saya suka pada TABIKA ini tapi anak saya tidak boleh mengawal emosi dengan baik. Menangis bila sampai TABIKA.</i></p>

Dapatan dari temu bual yang telah dijalankan, 4 dari 5 responden telah menyatakan perasaan mereka sangat seronok untuk menghantar anak mereka ke TABIKA. Mereka merasakan bahawa pembelajaran yang baik telah berlaku di kelas TABIKA. Terdapat perubahan dari segi sosio-emosi, bersosial dan belajar sesuatu yang baru setiap hari.

Daripada temu bual yang dijalankan di dapati bahawa responden ke 5 telah menyatakan bahawa anak beliau suka pergi ke TABIKA tetapi masih belum pandai untuk mengawal emosi dengan baik. Anak beliau akan mula menangis apabila sampai di kelas. Hal ini mungkin menyebabkan ibu bapa kurang untuk melibatkan diri dalam aktiviti tabika.

Jadual 2: Soalan temu bual 2

Soalan	Jawapan Ibu bapa Responden
SK 2. Adakah tugas yang diberi guru untuk dilaksanakan di rumah membebankan ibu bapa?	<p><i>Responden 1: Pada saya, ia membantu anak saya minat belajar tetapi masa untuk saya duduk bersama anak sangat kurang.</i></p>

	<p><i>Responden 2: Ia tidaklah terlalu membebankan tetapi ia dapat membantu saya untuk tahu apa yang anak belajar di sekolah.</i></p> <p><i>Responden 3 : Tidak membebankan kerana saya suka melihat anak saya bersemangat untuk menyiapkan tugas.</i></p> <p><i>Responden 4 : Tugas ini membuatkan anak saya bersemangat untuk menyiapkan dan mengajak saya dan suami bagi membantu. Tugas seperti ini sangat bagus dan tidak membebankan saya.</i></p> <p><i>Responden 5 : Di rumah, anak saya sangat berminat dan bersemangat untuk lakukan tugas. Masa yang diberi guru juga panjang dapat membantu saya dan anak menyiapkan tugas dengan lebih baik. Tiada kekangan kerana saya dapat melakukan bersama-sama dengan anak pada hari cuti sekolah.</i></p>
--	---

Daripada temubual yang dijalankan, kelima-lima responden menyokong aktiviti anak-anak mereka di tabika. Hal ini terbukti dengan temu bual menyatakan aktiviti akan membantu anak-anak semangat untuk belajar sesuatu yang baru.

Jadual 3 : Soalan Temu bual ringkas 3

Soalan	Jawapan ibu bapa Responden
<p>SK 3 : Apakah kekangan yang dihadapi oleh ibu bapa semasa melaksanakan tugas diberi guru?</p>	<p><i>Responden 1 :Kekangan saya adalah masa yang terhad kerana saya dan isteri bekerja bukan waktu pejabat.</i></p> <p><i>Responden 2: Pada saya,tidak ada kekangan untuk menyiapkan tugas ini kerana masa yang diberikan oleh guru bersesuaian dalam tempoh yang mencukupi.</i></p> <p><i>Responden 3 : Pada saya, tiada kekangan kerana saya seorang suri rumah. Waktu bersama anak lebih banyak dan secara tidak langsung saya tahu apa yang anak saya belajar di tabika.</i></p> <p><i>Responden 4 : Kekangan saya adalah masa tetapi saya sangat selesa dengan tugas diberikan kerana waktu untuk menyiapkan tugas bersesuaian dengan masa saya. Saya dapat berkumpul dengan keluarga di hari minggu untuk bersama-sama menyiapkan tugas.</i></p> <p><i>Responden 5 : Tiada kekangan kerana saya dapat melakukan bersama-sama dengan anak pada hari cuti sekolah.</i></p>

Hasil temu bual dapati bahawa responden 1 dan responden 4 mempunyai kekangan masa untuk menyiapkan tugas dan aktiviti tabika bersama anak mereka. Hal ini disokong dengan pernyataan tidak mempunyai masa yang banyak kerana ibu bapa bekerja. Walau bagaimanapun responden 4 sangat menyokong aktiviti yang akan dilakukan kerana guru memberikan masa yang panjang dan bersesuaian. Ini membantu kerana mereka bekerja.

Hasil temu bual pada responden ke 2, 3 dan 5, masing-masing tidak ada kekangan dan akan menyiapkan tugas dalam masa yang telah ditetapkan oleh guru kerana mereka adalah suri rumah. Mereka juga menyatakan dapat bersama-sama anak-anak apabila waktu hujung minggu. Hal ini dapat mewujudkan semangat tolong menolong antara mereka.

2.0 FOKUS KAJIAN

Kajian ini memfokuskan kepada cara untuk mengatasi masalah 5 orang kanak-kanak yang tidak melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran di kelas TABIKA dengan mengadakan Projek *Home Sweet Home* bersama ibu bapa.

3.0 OBJEKTIF

3.1 Objektif Umum

Objektif umum kajian ini adalah untuk membantu meningkatkan pelibatan kanak-kanak bersama ibu bapa dalam pengajaran dan pembelajaran di kelas TABIKA.

3.2 Objektif Khusus

Objektif khusus kajian ini adalah untuk mengkaji peningkatan pelibatan kanak-kanak dalam aktiviti kelas TABIKA melalui kaedah pengajaran dan pembelajaran Projek '*Home Sweet Home*'.

3.3 Persoalan Kajian

Adakah Projek '*Home Sweet Home*' dapat meningkatkan pelibatan kanak-kanak dalam aktiviti kelas TABIKA ?

4.0 KUMPULAN SASARAN

5 orang kanak-kanak TABIKA iaitu 3 orang 6 tahun dan 2 orang 5 tahun yang tidak melibatkan diri dalam aktiviti dalam pembelajaran di kelas.

Responden 1 merupakan kanak-kanak lelaki berumur 6 tahun yang selalu tidak melibatkan diri dalam aktiviti kelas walaupun R1 selalu hadir ke kelas.

Responden 2 merupakan kanak-kanak perempuan berumur 6 tahun yang sebelum ini sangat pendiam dan tidak suka bermain dengan rakan.

Responden 3 merupakan kanak-kanak lelaki 5 tahun yang mempunyai masalah pertuturan (Pelat). Hal ini menyebabkan beliau tidak mahu bergaul dengan rakan-rakan yang lain. Beliau beranggapan rakan lain tidak faham apa yang ingin disampaikan. Beliau juga sering menangis apabila sampai dikelas.


Responden 4 merupakan kanak-kanak lelaki 6 tahun yang aktif di dalam kelas. Beliau sangat suka mengusik rakan tetapi tidak suka terlibat dalam aktiviti pembelajaran di dalam kelas.

Responden 5 merupakan kanak-kanak perempuan yang jarang untuk hadir ke kelas TABIKA.

5.0 PELAKSANAAN KAJIAN (PERLAKSANAAN INTERVENSI)

Kitaran ini akan berterusan ke kitaran yang seterusnya yang melibatkan merancang semula, bertindak, memerhati dan mereflek bagi menghasilkan kitaran baru. Model kajian tindakan Lewin ini ditunjukkan dalam Rajah 1.

Rajah 1. Proses Penyelidikan Tindakan Model Kurt Lewin 1946 Dan Laidlaw (1992)



5.1 Tindakan yang dilaksanakan (intervensi)

Projek '*Home Sweet Home*' yang perlu mereka laksanakan bersama ibu bapa. Masa yang diperuntukan adalah satu minggu.



Satu senarai semak telah dilakukan untuk melihat hasil perubahan yang telah ditunjukkan oleh 5 orang kanak-kanak tersebut.

Jadual 1: Borang senarai semak memerhati peningkatan pelibatan kanak-kanak dalam aktiviti kelas.

Bil	Pemerhatian	Pelibatan kanak-kanak				
		R1	R2	R3	R4	R5
1.	Kanak-kanak mendengar dan mengikut arahan PM	/	/	/	/	/
2.	Melibatkan diri dalam aktiviti di dalam kelas	/	/	/	/	/
3.	Kanak-kanak bekerjasama dalam kumpulan	/	/	/	/	/
4.	Kanak-kanak memberi perhatian kepada PM	/	/	/	/	/
5.	Kanak-kanak aktif dalam melibatkan diri dalam Pengajaran dan Pembelajaran	/	/	/	/	/
6.	Reaksi positif kanak-kanak semasa pembelajaran berlangsung	/	/	/	/	/

5.2 Pemerhatian

Pemerhatian kajian ini menggunakan instrumen pengumpulan data analisis dokumen, temu bual ringkas, senarai semak sebelum dan selepas intervensi menggunakan kaedah pembelajaran berasaskan projek ‘Home Sweet Home’.

5.3 Dapatan Kajian

Soalan kajian : Adakah Projek ‘Home Sweet Home ‘ dapat meningkatkan penglibatan kanak-kanak dalam aktiviti kelas TABIKA ?

5.3.1 Pemerhatian

Kajian ini menggunakan kaedah pemerhatian dengan menggunakan senarai semak. Hasil dapatan pemerhatian ini ditunjukkan melalui carta palang di bawah :



Carta 1 : Senarai semak penglibatan kanak-kanak

Hasil kajian menunjukkan bahawa semua kanak-kanak menunjukkan peningkatan kanak-kanak dalam sesi pembelajaran di kelas dengan menggunakan kaedah projek dalam p&p. Menurut (Roopnarine & Johnson 2013; Bukhuizen, 2020) menyatakan bahawa dengan penyertaan ibu bapa dapat memberikan sumbangan yang penting dan berkualiti terutamanya projek. Hal ini di tegaskan lagi dengan kaedah projek pembinaan rumah atau bas. Niken & Harun (2019) berpendapat, apabila tahun persekolahan berlalu dan kanak-kanak menjadi mahir dalam kerja projek, mereka boleh lebih mudah menghargai dan menghormati bahawa rakan sekelas mempunyai minat yang berbeza dan lebih suka mengerjakan subtopik yang berbeza. Dengan cara ini, penghayatan kanak-kanak terhadap perbezaan pengalaman, minat dan kebolehan dalam kalangan rakan sebaya dapat diperdalam (Samuelsson, 2019).

5.3.2 Soalan Kaji Selidik (Dapatan).

Hasil pemerhatian selepas melaksanakan intervensi Projek '*Home Sweet Home*' di dapati mereka dapat menyiapkan tugas yang diberikan mengikut masa yang telah ditetapkan. Persoalan kajian tercapai dengan peningkatan pelibatan kanak-kanak bersama ibu bapa dalam pengajaran dan pembelajaran di kelas TABIKA. Hal ini di buktikan dengan semua reponden membawa hasil Projek '*Home Sweet Home*' ke Kelas TABIKA dengan ekspresi yang ceria. Dapatan daripada intervensi ini juga, didapati kestabilan emosi dan peningkatan minat dalam pembelajaran di kelas juga telah meningkat. Dapatan kajian ini juga dilihat berjaya membantu pelibatan kanak-kanak bersama ibu bapa pembelajaran di TABIKA dengan kerjasama yang dapat dilihat melalui pembinaan model rumah '*Home Sweet Home*' dengan menggunakan kreativiti masing-masing. Projek ini juga dapat membantu kanak-kanak seronok ke TABIKA. Daripada hasil kerja yang telah dipamerkan, dapati ibu bapa menghasilkan model rumah yang pelbagai dengan penuh kasih sayang.



Gambar 2: Home Sweet Home (R1)

Responden 1 (R1) telah hadir ke kelas dengan muka dan perasaan yang gembira. Dari keluar kereta ibunya lagi, R1 tidak sabar untuk menunjukkan hasil kerjanya kepada rakan-rakan di kelas. Hal ini sangat membanggakan kerana perubahan sikap dan tingkahlaku yang positif telah ditunjukkan oleh R1. Beliau juga telah bercerita bagaimana mereka membina *Home Sweet Home* bersama ibu bapanya. R1 menceritakan bahan yang digunakan di ambil dari bahan terpakai seperti kayu ais krim. Selain itu, mereka menggunakan kotak untuk membentuk rumah dan menggunakan pelbagai bahan lain untuk membentuk pokok dan rumput.



Gambar 3: Home Sweet Home (R2)

Hasil kerja Projek *Home Sweet Home* responden ke 2 (R2) tidak kurang hebatnya. Apabila diminta untuk bercerita kepada rakan tentang hasil kerjanya dia agak berat untuk mulakan bicara. Apabila dia ajukan soalan, dia mula bercerita dengan yakin. Hal ini membuktikan bahawa intervensi yang dilakukan berjaya untuk mencari jalan penyelesaian pelibatan kanak-kanak di dalam kelas. Dia menceritakan mengenai pelibatan semua ahli keluarga seperti abang dan adik juga turut membantu dalam Projek *Home Sweet Home* ini.



Gambar 4 : Home Sweet Home (R3)

Responden ke 3 (R3) Apabila di beri peluang untuk menerangkan hasil kerja kepada rakan-rakan yang lain, beliau cuba bercakap tetapi dengan nada suara yang perlahan dan memintal jarinya. Beliau menerangkan ayahnya menggunakan cat minyak untuk mewarnakan dinding dan bumbung rumah. Beliau menerangkan bahawa ini rumah nenek.




Gambar 5 : Home Sweet Home (R4)

Responden ke 4 (R4) Apabila Projek *Home Sweet Home* ini dilaksanakan, perubahan tingkahlaku yang sangat membanggakan. Beliau tidak lagi mengusik dan mengacau rakan yang lain, malahan beliau menjadi pendorong dan berlumba-lumba untuk menyiapkan tugas yang diberikan. Beliau telah menerangkan mengenai *Home Sweet Home* beliau yang mempunyai 2 biji kereta. Beliau menerangkan bahawa itu adalah kereta idamannya. Beliau sangat teruja berkongsi pengalaman dan impiannya kepada rakan-rakan. Hal ini juga terbukti bahawa keberkesanan intervensi yang telah dilaksanakan.



Gambar 6 : Home Sweet Home (R5)

Responden ke 5 (R5) Projek *Home Sweet Home* ini mendorong R5 untuk hadir ke kelas. Hal ini sangat mengembirakan kerana peningkatan kehadiran ke TABIKA. R5 juga merupakan responden yang paling lambat untuk menyerahkan hasil kerjanya. Tetapi hal ini tidak menghalang untuk R5 bercerita hasil kerjanya kepada semua rakan-rakan sekelas. R5 menceritakan bagaimana beliau menyiapkan Projek. Beliau juga menyatakan bahawa ibu dan ayahnya bekerja dan tidak dapat menyiapkan lebih awal dari masa yang ditetapkan. Walau bagaimanapun hal ini tidak menghalang R5 untuk melibatkan diri dalam aktiviti kelas.



Carta 2: Senarai semak kaedah pengajaran dan pembelajaran di kelas

Hasil dapatan selepas melaksanakan intervensi, di dapati Projek ‘*Home Sweet Home*’ memberikan kesan yang baik kepada kaedah pengajaran dan pembelajaran di kelas TABIKA dengan pengkaji dapat mempelbagaikan cara dan pencambahan idea sedia ada melalui kerjasama bersama ibu bapa. Hasil pemerhatian setelah intervensi dilaksanakan didapati semua responden dapat menyiapkan tugas mengikut masa yang telah ditetapkan dan menunjukkan minat yang positif terhadap pembelajaran di kelas. Pengkaji juga mendapati bahawa emosi responden semasa berada di kelas adalah positif. Mereka lebih ceria dan bersemangat untuk belajar. Hal ini terbukti dengan catatan kehadiran mereka ke kelas adalah cemerlang. Perkara ini sangat membanggakan pengkaji kerana dapat mendidik anak-anak kelas dengan sama rata dan tiada pengecualian. Selain itu juga, pelibatan ibu bapa juga menyumbang kepada peningkatan pembelajaran anak-anak.

6.0 Rumusan

6.1 Rumusan kajian

Secara kesimpulannya, kajian tindakan secara intervensi Projek ‘*Home Sweet Home*’ ini berjaya kerana semua responden memberikan kerjasama yang baik. Mereka semua menunjukkan perubahan yang positif selepas intervensi dijalankan. Perubahan dalam peningkatan penglibatan kanak-kanak dalam aktiviti kelas juga menunjukkan perubahan yang sangat baik. Selain itu juga, perubahan tingkah laku dari kemurungan kepada berkeyakinan dan ceria ditunjukkan oleh kelima-lima kanak-kanak tersebut. Malahan, peningkatan kehadiran juga telah ditunjukkan selepas intervensi. Secara tidak langsung, ibu bapa juga mengetahui peranan dan fungsi TABIKA dengan jelas. Selain itu juga, ibu bapa perlu terlibat secara langsung dalam aktiviti membantu kanak-kanak melakukan pelbagai aktiviti seperti permainan dalam dan luar rumah, bercerita, nasihat, melukis, mengemas dan menggalakkan kreativiti dalam kanak-kanak terutama semasa di rumah.

6.2 Cadangan penambahbaikan

Penambahbaikan pada kajian ini adalah dengan melibatkan semua kanak-kanak kelas supaya dapat meningkatkan pengalaman sedia ada dan mencungkil lebih banyak lagi bakat-bakat yang terpendam dikalangan ibu bapa dan komuniti seterusnya membantu meningkatkan perkembangan pembelajaran kepada kanak-kanak. Pelibatan ibu bapa

perlu bagi membantu perkembangan menyeluruh dari segi fizikal, emosi, kerohanian dan interlek kanak-kanak supaya dapat melahirkan generasi yang cemerlang dan holistik.

7.0 CADANGAN KAJIAN SETERUSNYA

Cadangan kajian seterusnya boleh dikembangkan lagi dengan mengkaji kepentingan penglibatan ibu bapa dalam aktiviti pembelajaran kanak-kanak di TABIKA KEMAS. Hal ini adalah untuk meningkatkan tahap kesedaran ibu bapa dalam pembelajaran kanak-kanak kerana dengan penglibatan mereka adalah pemangkin utama dalam perkembangan kanak-kanak.

Sumbangan Pengarang

Nor Maizatul Akmal Pengenalan, Fokus kajian, objektif, kumpulan sasaran, pelaksanaan intervensi, rumusan dan cadangan seterusnya. Hidayah Perbincangan, semakan dan suntingan draf akhir.

Penolakan Tuntutan

Manuskrip ini belum diterbitkan di tempat lain dan semua penulis telah bersetuju dengan penyerahannya dan mengisytiharkan tiada konflik kepentingan pada manuskrip.

RUJUKAN

Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia (2016), Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan : Pendidikan Prasekolah : Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran

Fauziah Hanim Jalal, Fairuz 'Ain Harun, Noraini Ismail, Nazariah Abd Samad. *Pelibatan Ibu Bapa Dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak di Pusat Anak Permata Negara*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Janius, N., Mohd Ishar, M. I., Yusof, Y., Bang, P., Sid, R., & Wong, G. (2023). *Belajar Sambil Bermain Di dalam Kelas Pada Peringkat Pendidikan Awal kanak-kanak*. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 8(4), e002248. doi:10.47405/mjssh.v8i4.2248.

Niken Farida & Harun Rasyid. (2019). *The Effectiveness of Project-Based Learning Approach to Social Development of Early Childhood*. Advances in Social Science, Education and Humanities Research, 296: 369-372.

Paezah Abd Halim dan Faridah Yunus. *Keperluan Pelibatan Ibu Bapa Dalam Aktiviti Pembelajaran Kanak-kanak di Prasekolah*. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025). Kementerian Pendidikan Malaysia.

Pelan Harapan Pembangunan luar bandar (2018-2023). Kementerian Luar Bandar.

Roopnarine, J., & Johnson, J. (2013). *Approaches Early Childhood Education (6ed)*. The Pennsylvania University: Pearson

Roth, A, C, V. (2020). *What May Characteristic Teaching in Preschool? The Written Descriptions of Swedish Preschool Teachers and Managers in 2016*, Scandinavian Journal of Educational Research, 64:1, 1-21. DOI:10.1080/00313831.2018.1479301.

Samuelsson, R.(2019). Multimodal interaction for science learning in Preschool: Conceptual Development with External Tools Across a Science Project. *International Journal of Early Years Education*, 27:3, 254-270, DOI: 10.1080/09669760.2019.1605888